

PB ISLAMIC CASH MANAGEMENT FUND (PB DANA PENGURUSAN TUNAI ISLAMIK) (PBICMF)

PENYATAAN TANGGUNGJAWAB

Helaian Penting Produk ini telah diteliti dan diluluskan oleh pengarah-pengarah Public Mutual Berhad dan mereka secara bersama dan berasingan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas ketepatan maklumat. Setelah membuat semua pertanyaan yang munasabah, mereka mengesahkan bahawa berdasarkan pengetahuan dan kepercayaan mereka, tidak terdapat kenyataan palsu atau mengelirukan, atau ada fakta lain yang ketinggalan yang akan menjadikan sebarang kenyataan di dalam Helaian Penting Produk ini palsu atau mengelirukan.

PENYATAAN PENAFIAN

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah membenarkan penerbitan PBICMF dan satu salinan Helaian Penting Produk ini telah diserahkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Kebenaran yang diberikan untuk PBICMF dan penyerah simpanan Helaian Penting Produk ini, tidak harus dianggap bahawa Suruhanjaya Sekuriti Malaysia mengesyorkan PBICMF, atau bertanggungjawab untuk ketepatan kenyataan atau pendapat atau laporan yang dinyatakan di dalam Helaian Penting Produk ini.

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang ketakdedahan bagi pihak Public Mutual Berhad, yang bertanggungjawab untuk PBICMF dan tidak mengambil tanggungjawab ke atas kandungan Helaian Penting Produk ini. Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak mengesahkan ketepatan atau kesempurnaan Helaian Penting Produk ini, dan secara jelas menolak sebarang liabiliti yang terbit daripada atau bersandarkan kepada seluruh atau mana-mana bahagian kandungannya.

Helaian Penting Produk ini adalah terjemahan daripada versi Bahasa Inggeris. Jika terdapat sebarang perbezaan kandungan, Helaian Penting Produk versi Bahasa Inggeris dianggap muktamad.

HELAIAN PENTING PRODUK

Helaian Penting Produk (PHS) ini hanya memaparkan ciri-ciri utama dan risiko dana amanah saham ini. Pelabur adalah dinasihatkan untuk meminta, membaca dan memahami prospektus dana sebelum membuat keputusan untuk melabur.

PBICMF telah disahkan sebagai patuh Syariah oleh Penasihat Syariah yang dilantik untuk dana.

MAKLUMAT RINGKAS PRODUK

Apakah produk ini?

Jenis produk	Dana amanah saham
Modal dilindungi atau dijamin	Tidak
Pengurus dana	Public Mutual Berhad
Pemegang amanah dana	Maybank Trustees Berhad
Penasihat Syariah dana	ZICO Shariah Advisory Services Sdn. Bhd.
Pengedar dana	Penasihat Skim Amanah Saham Institusi (IUTA), iaitu Public Bank Berhad

CIRI-CIRI UTAMA PRODUK

Apakah yang saya melabur?

Kategori dana	Pasaran wang Islam
Objektif dana	Untuk menyediakan kecairan dan pendapatan semasa* di samping mengekalkan kestabilan modal dengan melabur dalam instrumen yang mematuhi keperluan Syariah. <i>Nota: * Pendapatan semasa merujuk kepada pendapatan boleh agih. Agihan (jika ada) akan dilaburkan semula kecuali jika pemegang unit memilih agar agihan dibayar kepada mereka, tertakluk kepada terma dan syarat.</i>

PBICMF

Apakah yang saya melabur? (samb')

Alokasi aset	Instrumen pasaran wang Islam dan deposit Islam	100% daripada nilai aset bersih (NAB)
	Aset asing patuh Syariah	Tiada
Lokasi aset	Malaysia	

Nota: Unit PBICMF telah diasingkan kepada Kelas A (untuk pelabur individu) dan Kelas B (untuk pelabur bukan individu).

KESESUAIAN PRODUK

Siapakah yang sesuai untuk dana ini?

Profil pelabur	Dana ini sesuai untuk pelabur jangka pendek yang inginkan pemeliharaan modal. <i>Nota: Jangka pendek merujuk kepada tempoh kurang daripada 3 tahun. Dana ini bukan dana jaminan modal atau lindungan modal.</i>
-----------------------	--

RISIKO-RISIKO UTAMA

Apakah risiko-risiko utama yang berkaitan dengan produk ini?

Risiko kadar faedah	Pulangan dana bergerak selaras dengan turun naik kadar faedah. Contohnya apabila kadar faedah jatuh, deposit akan ditempatkan pada kadar lebih rendah dan dengan itu menghasilkan pulangan yang lebih rendah kepada dana.
Risiko kredit	Risiko kredit berkaitan dengan kedudukan kredit penerbit instrumen yang tertakluk kepada kemampuan penerbit untuk membuat pembayaran keuntungan atau prinsipal tepat pada masanya. Sekiranya penerbit instrumen mungkir dalam pembayaran keuntungan dan/atau prinsipal, nilai dana mungkin akan terjejas.

Anda dinasihatkan untuk membaca prospektus dana dan memahami risiko yang terlibat dan, jika perlu, berunding dengan penasihat profesional anda sebelum melabur.

YURAN & CAJ

Apakah yuran dan caj yang terlibat? (diguna pakai untuk semua kelas)

Caj jualan	Tiada
Caj penebusan	Tiada

Apakah yuran dan caj yang terlibat? (diguna pakai untuk semua kelas) (samb')

Caj tukar ganti	Ke Dana Penerima	Dana Ekuiti / Aset Campuran / Seimbang	Dana Bon / Sukuk	Dana Pasaran Wang**
	Tukar ganti keluar/(Keluar)			
Dalam masa 90 hari:				
- Unit beban		Tiada	Tiada	Tiada
- Unit beban separa		Sehingga 0.50%*	Sehingga 0.50%*	Tiada
- Unit beban-1%		Caj jualan sehingga 4.00%	Tiada	Tiada
- Unit beban rendah		Caj jualan sehingga 4.75%	Caj jualan sehingga 0.75%	Tiada
- Unit beban sifar		Caj jualan sehingga 5.00%	Caj jualan sehingga 1.00%	Tiada
Selepas 90 hari:				
- Unit beban		Tiada	Tiada	Tiada
- Unit beban separa		Sehingga 0.50%*	Sehingga 0.50%*	Tiada
- Unit beban-1%		Caj jualan sehingga 4.00%	Tiada	Tiada
- Unit beban rendah		Caj jualan sehingga 4.75%	Caj jualan sehingga 0.75%	Tiada
- Unit beban sifar		Caj jualan sehingga 5.00%	Caj jualan sehingga 1.00%	Tiada
<p><i>Nota:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Unit beban ialah unit yang dikenakan caj jualan sebanyak 3% atau lebih melalui pelaburan dalam dana ekuiti/aset campuran/seimbang.</i> • <i>Unit beban separa ialah unit yang dikenakan caj jualan kurang daripada 3% melalui pelaburan dalam dana ekuiti/aset campuran/seimbang.</i> • <i>Unit beban-1% ialah unit yang dikenakan caj jualan lebih daripada 0.50% melalui pelaburan dalam dana bon/sukuk.</i> • <i>Unit beban rendah ialah unit yang dikenakan caj jualan sebanyak 0.50% atau kurang melalui pelaburan dalam dana bon/sukuk.</i> • <i>Unit beban sifar ialah unit dana pasaran wang yang tidak dikenakan sebarang caj jualan.</i> <p>* <i>Tertakluk kepada minimum RM50, yang mana lebih tinggi.</i></p> <p>** <i>Pemegang unit individu dan bukan individu yang menukar ganti masuk ke dana pasaran wang akan diperuntukkan unit Kelas A dan unit Kelas B masing-masing.</i></p>				
Caj pemindahan	Sehingga RM50 setiap pemindahan.			
Yuran pengurusan	0.375% setahun daripada NAB.			
Yuran pemegang amanah	0.02% setahun daripada NAB, tertakluk kepada yuran minimum sebanyak RM18,000 dan yuran maksimum sebanyak RM300,000 setahun.			

Nota: Yuran dan caj di atas mungkin tertakluk kepada sebarang cukai dan/latau duti yang dikenakan (jika ada) yang perlu dibayar oleh anda.

Terdapat yuran dan caj yang terbabit dan anda dinasihatkan mempertimbangkannya sebelum membuat pelaburan dalam dana.

PBICMF

PRESTASI PBICMF

Pulangan Tahunan Purata bagi tempoh berikut berakhir 30 Jun 2025

	1 Tahun	3 Tahun	5 Tahun	10 Tahun	Sejak Permulaan*
PBICMF (%)	2.96	3.03	2.50	3.14	3.44
Indeks penanda aras (%)**	2.01	2.18	1.96	2.60	3.27

Jumlah Pulangan Tahunan bagi Tahun Kewangan Berakhir 30 Jun

	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023	2024	2025
PBICMF (%)	3.29	2.92	3.28	3.49	2.78	1.60	1.51	2.74	3.13	2.96
Indeks penanda aras (%)**	2.90	2.77	2.85	2.94	2.55	1.55	1.46	2.12	2.29	2.01

Ulasan Prestasi Dana 1 Tahun

PBICMF mencatatkan jumlah pulangan sebanyak +2.96% bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2025 berbanding dengan pulangan penanda aras sebanyak +2.01% dalam tempoh yang sama.

Nota:

* Angka yang ditunjukkan adalah untuk tempoh sejak permulaan dana (8 Mei 2007).

** Sebelum 30 April 2013, penanda aras dana adalah berdasarkan kadar Pasaran Wang Antara Bank Islam 1 Bulan yang disebut oleh Bank Negara Malaysia.

Dari 30 April 2013 hingga 29 April 2015, penanda aras dana adalah indeks komposit 90% Akaun Pelaburan Am-i Mudharabah 1 Bulan Public Islamic Bank dan 10% Akaun Simpanan-i Public Islamic Bank.

Berkuatkuasa dari 30 April 2015, Akaun Pelaburan Am-i Mudharabah 1 Bulan Public Islamic Bank dalam penanda aras dana telah digantikan dengan Deposit Bertempoh-i 1 Bulan Public Islamic Bank kerana ia mewakili pelaburan dana dengan lebih baik.

Pengiraan pulangan di atas adalah berasaskan NAB kepada NAB, dan sumbernya diperolehi daripada Lipper.

Pulangan tahunan purata dana diperolehi dengan membahagikan jumlah pulangan dana dengan bilangan tahun bawah kajian.

Tarikh permulaan ialah hari terakhir tempoh tawaran awal.

Nisbah Pusing Ganti Portfolio (PTR)

	2023	2024	2025
PTR (kali)	-	-	-

Bagi tahun kewangan berakhir 2023, 2024 dan 2025, PTR dana adalah sifar kerana dana hanya menempatkan deposit di institusi kewangan sepanjang tahun tersebut.

Agihan

	2023		2024		2025	
	Kelas A	Kelas B	Kelas A	Kelas B	Kelas A	Kelas B
Agihan kasar seunit (sen)	2.50	2.50	3.87	3.87	2.93	2.93
Agihan bersih seunit (sen)	2.50	2.50	3.87	3.87	2.93	2.93

Agihan adalah dalam bentuk tunai.

PRESTASI DANA PADA MASA LALU TIDAK MENJADI PETUNJUK UNTUK PRESTASI MASA HADAPAN.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Penilaian

NAB dana/kelas ini dikira dan harga unit disiarkan pada setiap hari urus niaga di www.publicmutual.com.my.

Pembelian dan penebusan unit

Anda boleh membeli dan menebus unit dana pada mana-mana hari urus niaga pada NAB dana yang ditentukan seterusnya.

Pelaburan permulaan

- Pelaburan permulaan minimum*: RM1,000 (diguna pakai untuk semua kelas).
- Pelabur yang merupakan pelanggan Public Mutual Online (PMO) boleh membeli unit dana secara dalam talian.
- Sekiranya anda bukan pelanggan PMO, anda juga boleh mendaftar untuk menjadi pelanggan PMO secara dalam talian di laman web kami atau melalui kiosk Pintar kami yang terletak di cawangan kami atau di Pusat Perkhidmatan Pelanggan kami di Pusat Membeli-belah 1 Utama.
- Jika sebaliknya, sila hantarkan borang permohonan pelaburan yang lengkap bersama-sama dengan cek kepada mana-mana cawangan Public Bank Berhad.
- Untuk pelabur kali pertama Public Mutual Berhad, anda dikehendaki mengisi Borang Pelabur Baharu atau mendaftar secara dalam talian melalui "New Investor Online Enrolment" di PMO.

Pelaburan tambahan

- Pelaburan tambahan minimum*: RM100 (diguna pakai untuk semua kelas).
- Anda boleh melabur secara berkala melalui PMO, arahan debit terus kepada bank atau dengan membuat deposit cek ke dalam akaun kutipan yang terdapat di Public Bank Berhad.

Nota: * Pengurus boleh mengubah jumlah minimum pelaburan permulaan dan tambahan dari semasa ke semasa.



Bagaimana Anda Perlu Menulis Cek

Cek mestilah dibayar kepada:

Pelabur Individu

"Public Mutual Berhad - Nama & Nombor MyKad/Pasport Anda".

Pelabur Korporat

"Public Mutual Berhad - Nama & Nombor Pendaftaran Syarikat Anda".

Sila tulis nama, nombor MyKad/pasport/nama & nombor pendaftaran syarikat dan nombor telefon anda di belakang cek.

Hak bertenang

- Hanya untuk pelabur individu kali pertama Public Mutual Berhad.
- Permintaan anda mesti dihantar kepada pejabat cawangan Public Bank Berhad di mana anda membeli unit anda, dalam tempoh 6 hari urus niaga dari tarikh borang permohonan pelaburan dan bayaran diterima oleh Public Mutual Berhad.
- Bayaran balik akan dibayar dalam tempoh 7 hari urus niaga dari tarikh pelaksanaan hak ini.
- Bayaran balik bagi setiap unit yang dilabur adalah jumlah harga unit (iaitu harga asal pada hari unit dibeli atau harga pasaran pada titik pelaksanaan hak bertenang, yang mana yang lebih rendah) dan caj jualan yang dikenakan (dan sebarang cukai dan/atau duti yang diguna pakai, jika ada) pada hari unit dibeli.
- Kakitangan Pengurus dan individu yang berdaftar dengan badan yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) untuk mengurus niaga dalam dana amanah saham tidak layak untuk hak bertenang ini.

Penebusan

- Unit penebusan minimum: 1,000 unit.
- Anda boleh melaksanakan permohonan penebusan anda melalui PMO atau dengan mengisi dan menyerahkan borang penebusan pada mana-mana hari urus niaga kepada pejabat cawangan Public Mutual Berhad atau Public Bank Berhad yang terdekat atau Ibu Pejabat Public Mutual Berhad.
- Bagi semua kelas unit PBICMF, hasil penebusan anda akan dibayar dalam tempoh 4 hari urus niaga dari tarikh penerimaan permohonan anda. Jika penebusan separa menyebabkan baki di dalam akaun anda kurang daripada 1,000 unit, Pengurus boleh menebus keseluruhan akaun.

ANDA DILARANG MEMBUAT BAYARAN TUNAI UNTUK PELABURAN



PERUNDING SKIM AMANAH SAHAM DAN KAKITANGAN PUBLIC MUTUAL BERHAD TIDAK DIBENARKAN MENERIMA PELABURAN DALAM BENTUK TUNAI DALAM APA JUA KEADAAN.

Public Mutual Berhad tidak akan bertanggungjawab ke atas kerugian yang ditanggung sekiranya anda memberi wang tunai kepada perunding skim amanah saham atau kakitangan kami.



ANDA DILARANG MEMBUAT BAYARAN TUNAI KEPADA PERUNDING SKIM AMANAH SAHAM ATAU KAKITANGAN PUBLIC MUTUAL BERHAD.

ANDA DILARANG MEMBUAT DEPOSIT ATAU PINDAHAN KE AKAUN BANK PERUNDING SKIM AMANAH SAHAM ATAU KAKITANGAN PUBLIC MUTUAL BERHAD.



ANDA DILARANG MENGELUARKAN CEK DI ATAS NAMA PERUNDING SKIM AMANAH SAHAM ATAU KAKITANGAN PUBLIC MUTUAL BERHAD.

APA YANG ANDA PERLU TAHU

Dana ini bukan dana jaminan modal atau lindungan modal.

Harga unit dan agihan boleh bayar, jika ada, mungkin turun atau naik.

Prestasi dana pada masa lalu tidak menjadi petunjuk untuk prestasi masa hadapan.

Apabila pecahan unit atau agihan diisytiharkan, berikutan terbitan pecahan unit dan/atau agihan, NAB seunit akan berkurangan dengan sewajarnya bagi mencerminkan/mengambil kira pecahan unit dan/atau agihan tersebut.

Apabila pecahan unit diisytiharkan, nilai pelaburan dalam sebutan Ringgit Malaysia tidak akan berubah selepas pengagihan unit tambahan.

MAKLUMAT HUBUNGAN

Siapakah yang perlu saya hubungi untuk maklumat lanjut mengenai dana?

Untuk maklumat berkaitan dana, anda boleh berunding/menghubungi:

- Wakil korporat Public Bank Berhad yang berdaftar dengan Federation of Investment Managers Malaysia (FIMM);
- Talian Perkhidmatan Pelanggan Public Bank Berhad di 03-2170 8000; atau
- Talian Perkhidmatan Pelanggan Public Mutual Berhad di 03-2022 5000.

Siapakah yang perlu saya hubungi untuk membuat aduan?

1. Bagi penyelesaian pertikaian dalaman, anda boleh menghubungi Talian Perkhidmatan Pelanggan Public Bank Berhad di 03-2170 8000 atau Talian Perkhidmatan Pelanggan kami di 03-2022 5000.
2. Jika anda tidak berpuas hati dengan keputusan proses penyelesaian pertikaian dalaman, sila rujuk pertikaian anda kepada Financial Markets Ombudsman Service (FMOS):
 - (a) melalui telefon kepada : 03-2272 2811
 - (b) melalui borang aduan dalam talian yang tersedia di www.fmos.org.my
 - (c) melalui surat kepada : Financial Markets Ombudsman Service (FMOS)
Level 14, Main Block, Menara Takaful Malaysia
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman
50000 Kuala Lumpur

Siapakah yang perlu saya hubungi untuk membuat aduan? (samb')

3. Anda juga boleh membuat aduan terus kepada SC walaupun anda telah memulakan proses penyelesaian pertikaian dengan FMOS. Untuk membuat aduan, sila hubungi Pejabat Pengguna & Pelabur SC:
 - (a) melalui telefon kepada Aduan Hotline di : 03-6204 8999
 - (b) melalui faks kepada : 03-6204 8991
 - (c) melalui e-mel kepada : aduan@seccom.com.my
 - (d) melalui borang aduan dalam talian yang tersedia di www.sc.com.my
 - (e) melalui surat kepada : Pejabat Pengguna & Pelabur
Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
No. 3, Persiaran Bukit Kiara
Bukit Kiara
50490 Kuala Lumpur

4. Biro Aduan FIMM:
 - (a) melalui telefon kepada : 03-7890 4242
 - (b) melalui e-mel kepada : complaints@fimm.com.my
 - (c) melalui borang aduan dalam talian yang tersedia di www.fimm.com.my
 - (d) melalui surat kepada : Legal & Regulatory Affairs
Federation of Investment Managers Malaysia
19-06-01, 6th Floor Wisma Capital A
No. 19, Lorong Dungun
Damansara Heights
50490 Kuala Lumpur

PHS ini akan dikemaskini pada 30 September 2026. Anda boleh merujuk kepada laman web kami di www.publicmutual.com.my untuk PHS yang telah dikemaskini.